



**KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR
PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2014
PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN) (NO:2), 2014**

Kementerian Kewangan dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2014 dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2015 dan Perintah Akta Syarikat (Pindaan) (No:2),2014 dikuatkuasakan mulai 24 November 2014. Pindaan-pindaan ini adalah dihasratkan untuk memenuhi kehendak persekitaran perniagaan (*business environment*) semasa supaya ianya lebih kondusif kepada iklim perniagaan dan pelaburan di Negara ini.

Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2014 mengandungi beberapa pindaan bagi meningkatkan ketelusan (*transparency*) dan mengukuhkan tadbirurus (*governance*) syarikat-syarikat antarlainnya termasuklah keperluan bagi pendedahan penama (*nominee*) pemegang saham; tegahan terhadap pengeluaran waran saham (*share warrants*); dan keperluan bagi syarikat-syarikat untuk menyimpan semua rekod buku-buku perakaunan tidak kurang dari 7 tahun.

Seterusnya, dalam usaha untuk mempermudah proses memulakan perniagaan, Perintah Akta Syarikat (Pindaan) (No:2),2014 mengandungi pindaan untuk meniadakan keperluan untuk syarikat memiliki common seal; keperluan *statutory declaration* bagi penubuhan syarikat digantikan dengan *declaration* sahaja. Disamping itu, kos penubuhan syarikat adalah ditetapkan kepada \$300 sahaja; dan syarikat yang pendapatannya pada sesuatu tahun tidak melebihi \$1 juta adalah dikecualikan daripada keperluan untuk melantik juruaudit.



Kementerian Kewangan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 9 Rabiulawal 1436
31 Disember 2014



**MINISTRY OF FINANCE
BRUNEI DARUSSALAM**

**PRESS RELEASE
COMPANIES ACT (AMENDMENT) ORDER, 2014
COMPANIES ACT (AMENDMENT) (NO:2) ORDER, 2014**

The Ministry of Finance is pleased to announce that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam has consented for the introduction of the Companies Act (Amendment) Order, 2014 which will become effective on 1st January 2015 and the Companies Act (Amendment) (No:2), Order, 2014 which became effective on 24 November 2014. These amendments aim to adapt to the changing business needs and creating an environment conducive for business and investment.

In enhancing transparency and strengthening governance, the Companies Act (Amendment) Order, 2014 has included requirements for the disclosure of nominee shareholders; prohibition of the issuance of share warrants; and the requirement of a company to retain books of account records for not less than 7 years.

In order to facilitate the starting of a business, the Companies Act (Amendment) (No:2), Order, 2014 has made amendments to remove the requirement to have a common seal, replacing the requirement to have a statutory declaration with a declaration only, fixing the cost of incorporation at \$300 and exempting companies whose revenue in that year does not exceed B\$1 million from appointing an auditor.



Ministry of Finance
Brunei Darussalam

Date: 9 Rabiulawal 1436
31 December 2014
